

NAK TERUS ATAU BERHENTI?

Siswa dalam dilema selepas belajar dalam bidang tidak diminati



**BERSAMA
KAUNSELOR**

Pn Siti Fatimah
Abdul Ghani

Kaunselor
Kampus Kuala Lumpur
Universiti Putra Malaysia
011-34381000/011-34381001

Saya pelajar lepasan matrikulasi dan sedang menyambung pengajian peringkat ijazah sejak setahun lalu. Saya mendapat tawaran dalam bidang yang tidak sesuai dengan minat. Bagi menjaga hati keluarga, saya membuat keputusan menerima tawaran itu kerana bimbang tidak mendapat peluang menyambung pelajaran.

Keadaan makin buruk apabila keputusan peperiksaan semester pertama kurang memuaskan menyebabkan saya terpaksa mengulangi satu subjek.

Saya masih bertahan dan meneruskan pengajian untuk semester kedua dan ternyata keputusannya lebih teruk sehingga mendapat amaran kali pertama.

Saya sudah berusaha sebaik mungkin dan tidak pernah ponteng kelas. Saya juga sentiasa menyiapkan tugasan diberikan pensyarah. Saya sebenarnya tidak nampak apa yang saya belajar, juga tidak tahu mengaplikasikan apa yang dipelajari ketika berada di makmal.

Hati saya berat untuk meneruskan pengajian dalam bidang ini berikutan keputusan yang teruk dan jumlah subjek perlu diulang melebihi tiga. Saya sudah mencuba meminati bidang ini tapi hasilnya tetap sama.

Saya mahu berhenti belajar dan ingin berusaha di bidang yang saya minati walaupun memakan masa lebih lama. Namun, saya bimbang mendapat tentangan keluarga.

Apakah yang perlu saya lakukan? Saya betul-betul buntu.

**TIDAK BERMINAT
Selangor**

Perkongsian ini langkah awal dalam penyelesaian masalah dengan syarat anda memperincikan apa yang masih kabur dan kurang jelas.

Anda melakukan dua percubaan dalam mengejar impian. Kedua-duanya membabitkan faktor pengorbanan dan kepasrahan.

Yang dimaksudkan ialah mengambil risiko menerima tawaran kemasukan ke bidang pengajian tidak bersesuaian. Perkataan sesuai dengan minat jauh berbeza. Jika bidang pengajian itu tidak sesuai, ia mengambil kira faktor kelayakan, kemampuan dan minat. Sebaliknya jika bidang itu tidak diminati, minat itu semestinya boleh dipupuk menerusi pelbagai cara dan pendekatan.

Namun begitu, bagi menjaga hati keluarga, anda tetap menyahut cabaran yang agak sukar dengan meneruskan bidang pengajian itu. Dan kini, anda berasakan bebanan yang ditanggung agak kompleks sehingga tiada keyakinan untuk meneruskan pengajian. Akhirnya anda terfikir untuk berhenti belajar dan meneruskan bidang lain.

Saya menjelaskan semula semua ini bagi membolehkan anda melihat isu yang timbul.

Pertama, jika anda rasa terbeban dengan bidang pengajian ini, ada tiga pilihan boleh dipertimbangkan.

Pilihan pertama, teruskan pengajian dengan memohon untuk pertukaran kursus. Namun, ia agak mustahil jika peratusan pencapaian akademik di bawah gred rendah kerana syarat untuk pertukaran kursus ialah masih berada pada tahap gred memuaskan.

Pilihan kedua ialah meneruskan pengajian tetapi pada masa sama menyusun semula strategi pembelajaran bermula dari pemilihan subjek mengikut



semester pengajian. Bunyinya agak sukar. Dalam hal ini, risiko yang mungkin anda hadapi ialah bertambah tahun pengajian dan isu tajaan elau yang akan tamat seperti dicatat dalam surat tawaran.

Ia juga akan memberi impak besar dalam pengajian anda jika tidak diselaraskan sebaik mungkin terutama isu kewangan. Pun begitu, pilihan ini membolehkan anda mempertingkatkan pencapaian secara berperingkat dan jika ia berada pada tahap baik, anda boleh memohon pertukaran kursus pengajian.

Bagaimanapun, pilihan kedua ini perlu dibincangkan bersama penasihat akademik atau bahagian akademik di universiti anda. Selain itu, anda juga perlu mendapatkan khidmat kaunseling secara bersemuka bagi membolehkan perbincangan lebih terperinci. Anda mungkin diminta membawa jadual pengajian serta maklumat kursus yang menyenaraikan semua subjek ditawarkan.

Kaunselor akan mengajar pengiraan

markah kumulatif setiap semester. Bermula dari situ, anda akan celik akal dan tahu apa perlu dilakukan. Sebenarnya anda masih ada masa memperbaiki hal ini.

Pilihan ketiga ialah seperti yang anda fikirkan iaitu berhenti belajar. Namun, yang penting untuk anda ketahui ialah risiko yang bakal dihadapi jika berhenti belajar. Jika benar-benar bersedia menghadapi risiko itu, terpujang kepada anda kerana akhirnya anda bertanggungjawab dengan kehidupan sendiri.

Antara risiko perlu anda pertimbangkan ialah tentangan keluarga, konflik diri seperti usia yang bertambah, hala tuju dan mungkin berdepan prinsip nilai yang berbeza dengan orang lain.

Sungguhpun ia agak mencabar, anda berhak memutuskan apa yang terbaik jika sudah tidak yakin dengan kursus pengajian. Tidak mustahil anda akan dapat meneruskan pengajian selepas bekerja nanti kerana masih ramai membuktikan mereka boleh berjaya.

Namun, sekali lagi ia bergantung kepada sejauh manakah anda mempersiapkan diri untuk

menghadapi cabaran ini. Anda perlu menyusun strategi dan berusaha mencapai kejayaan dalam bidang baru yang ingin diceburi. Kenal pasti bidang yang anda rancang dan bagaimana boleh menyertainya. Segala persoalan ini memerlukan anda merancang dan lebih teliti. Tidak mustahil anda akan berjaya dalam pilihan ini tetapi juga mungkin gagal jika tidak merancang dan mendapatkan pengetahuan jelas mengenainya.

Apa-apa pun, asas yang perlu anda ketahui ialah usaha. Setiap usaha dilakukan tidak semestinya membuahkan hasil tetapi semangat harus perlu kekal dan berusaha memperbaiki kelemahan. Asas kehidupan inilah yang agak sukar dipraktikkan tetapi tidak mustahil jika anda bersedia.

Kesimpulannya, apapun keputusan yang ingin dibuat, bincangkan bersama orang yang boleh dipercayai. Perbincangan yang lebih berkesan ialah dengan kaunselor di tempat anda belajar supaya segala perancangan didasarkan kepada pertimbangan kesan baik dan buruk terhadap sesuatu keputusan.